

24 SEP 2000

Lim - Bersara

LIM TIMBANG BERSARA PERKHIDMATAN KERAJAAN

PULAU PINANG, 24 Sept (Bernama) -- Menteri Perusahaan Utama Datuk Seri Dr Lim Keng Yaik hari ini mengumumkan bahawa beliau sedang menimbang dengan serius untuk bersara daripada perkhidmatan kerajaan bagi memberi tumpuan kepada parti Gerakan yang dipimpinnya.

Presiden Gerakan itu berkata beliau bercadang untuk menemui anggota-anggota parti di seluruh negara selepas bersara dengan matlamat memupuk perpaduan rakyat berbilang kaum di negara ini mengikut falsafah masyarakat majmuk yang diikuti parti itu.

"Saya mahu menumpukan lebih banyak masa untuk menentang ancaman baru yang dihadapi oleh negara seperti memerangi fahaman melampau," katanya ketika berucap menggulung perbahasan pada Persidangan Perwakilan Nasional 2000 Gerakan kali ke-29 di sini. Persidangan itu berakhir hari ini.

Sambil menekankan bahawa beliau tidak akan bersara daripada politik dan sebaliknya "akan mati bersama parti itu", Lim meminta anggota-anggota parti itu memberikan pendapat mereka mengenai cadangan beliau itu.

Katanya langkah beliau itu juga untuk menunjukkan contoh agar pemimpin lama tidak takut untuk memberi peluang menonjolkan pemimpin baru selain membuktikan bahawa perjuangan dalam parti tidak semestinya "untuk menjadi menteri sahaja".

Menurutnya, beliau akan berbincang dengan Jawatankuasa Pusat parti itu sebelum menetapkan masa untuk meninggalkan jawatan dalam kerajaan.

Bercakap pada sidang berita selepas itu, Lim berkata beliau belum memaklumkan lagi hasratnya itu kepada Perdana Menteri Datuk Seri Dr Mahathir Mohamad.

Menurutnya, langkah untuk bersara itu akan dilakukan dalam tempoh yang singkat dan ia tidak akan mengganggu parti itu kerana ia mempunyai kepimpinan yang matang.

"Parti akan menentukan calon menggantikan saya dalam kerajaan," katanya.

Lim berkata langkahnya itu tidak bermakna beliau melarikan diri daripada tanggungjawab atau dipaksa oleh sesiapa.

Beliau menyertai Gerakan pada 1973 dan menjadi timbalan presidennya setahun kemudian sebelum dipilih sebagai presiden Gerakan pada 1980. Dalam kerajaan pula, beliau menjadi menteri sejak tahun 1986.

-- BERNAMA

AHM MAI